



27 Disember 2018
27 December 2018
P.U. (A) 353

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SISTEM INSURANS PEKERJAAN (JEMAAH RAYUAN KESELAMATAN SOSIAL) 2018

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (SOCIAL SECURITY APPELLATE BOARD) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

PERATURAN-PERATURAN SISTEM INSURANS PEKERJAAN (JEMAAH RAYUAN
KESELAMATAN SOSIAL) 2018

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Permohonan dan pernyataan tuntutan
3. Penyampaian permohonan
4. Pernyataan pembelaan
5. Pindaan pernyataan tuntutan
6. Pindaan pernyataan pembelaan
7. Penyampaian ganti
8. Notis pendengaran
9. Ikatan dokumen
10. Saman untuk hadir
11. Pendengaran
12. Ketidakhadiran pihak-pihak
13. Penarikan balik permohonan
14. Perintah Jemaah Rayuan
15. Rujukan kepada Mahkamah Tinggi
16. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi
17. Rekod prosiding
18. Borang

JADUAL

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

PERATURAN-PERATURAN SISTEM INSURANS PEKERJAAN
(JEMAAH RAYUAN KESELAMATAN SOSIAL) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 85(2)(f) Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sistem Insurans Pekerjaan (Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 2018.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Permohonan dan pernyataan tuntutan

2. (1) Suatu permohonan untuk keputusan mengenai apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang disebut dalam subseksyen 59(1) Akta hendaklah dibuat kepada Jemaah Rayuan dalam Borang JR1 Jadual.

(2) Permohonan hendaklah disertakan dengan pernyataan tuntutan dan fi pemprosesan sebanyak dua ringgit.

(3) Permohonan hendaklah difaikkan dalam lima salinan di pejabat Pengerusi Jemaah Rayuan yang ditubuhkan bagi kawasan di mana orang berinsurans itu bekerja pada masa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan itu timbul.

Penyampaian permohonan

3. (1) Apabila permohonan yang disebut dalam peraturan 2 diterima, Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya—

(a) satu salinan permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan itu dikembalikan kepada pemohon dengan pengakuteraiman penerimaan; dan

- (b) satu salinan permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan itu dan suatu notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan dalam Borang JR2 Jadual disampaikan secara ke diri kepada responden dalam masa tiga puluh hari dari tarikh permohonan difailkan.
- (2) Jika responden yang disebut dalam perenggan (1)(b) ialah Pertubuhan, salinan permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan dan notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan itu boleh disampaikan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Ketua Pengarah di alamat penyampaian bagi Pertubuhan.

Pernyataan pembelaan

4. (1) Responden yang telah disampaikan dengan sewajarnya suatu notis untuk memfailkan pernyataan pembelaan di bawah peraturan 3 atau 7 hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan dalam Borang JR4 Jadual kepada Jemaah Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu.
- (2) Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya suatu pernyataan pembelaan yang difailkan di bawah subperaturan (1) disampaikan secara ke diri kepada pemohon dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pernyataan pembelaan itu difailkan.

Pindaan pernyataan tuntutan

5. (1) Pemohon boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda pernyataan tuntutan yang difailkan di bawah peraturan 2 dengan kebenaran Jemaah Rayuan tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Jemaah Rayuan.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), Jemaah Rayuan tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda pernyataan tuntutan itu bagi maksud memasukkan suatu persoalan, pertikaian, tuntutan atau alasan rayuan yang baharu melainkan jika Jemaah Rayuan berpuas hati bahawa—

- (a) persoalan, pertikaian, tuntutan atau alasan rayuan yang baharu itu adalah berdasarkan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang

diketahui oleh pemohon hanya selepas permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan itu difailkan;

- (b) tidak praktik untuk memasukkan dalam pernyataan tuntutan itu persoalan, pertikaian, tuntutan atau alasan rayuan yang baharu itu pada masa permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan itu difailkan; atau
- (c) persoalan, pertikaian, tuntutan atau alasan rayuan yang baharu itu dimasukkan disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), pemohon hendaklah memfailkan pernyataan tuntutan terpinda itu dalam lima salinan dengan Jemaah Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kebenaran itu diberikan.

(4) Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya satu salinan pernyataan tuntutan terpinda itu dikembalikan kepada pemohon dengan pengakuterimaan penerimaan.

(5) Jika pernyataan tuntutan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas permohonan itu disampaikan dengan sewajarnya kepada responden di bawah peraturan 3 atau 7, Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya pernyataan tuntutan terpinda itu disampaikan secara ke diri kepada responden dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pernyataan tuntutan terpinda itu dikembalikan kepada pemohon di bawah subperaturan (4).

(6) Jika pernyataan tuntutan terpinda disampaikan kepada responden selepas pernyataan pembelaan disampaikan dengan sewajarnya kepada pemohon di bawah peraturan 4 atau 7, responden boleh meminda pernyataan pembelaannya dan memfailkan pernyataan pembelaan terpinda itu dengan Jemaah Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pernyataan tuntutan terpinda itu disampaikan kepada responden.

(7) Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya pernyataan pembelaan terpinda itu disampaikan secara ke diri kepada pemohon dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pernyataan pembelaan terpinda itu difaiklan dengan Jemaah Rayuan.

Pindaan pernyataan pembelaan

6. (1) Responden boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, meminda pernyataan pembelaan yang difaiklan di bawah peraturan 4 dengan kebenaran Jemaah Rayuan tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Jemaah Rayuan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Jemaah Rayuan tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda pernyataan pembelaan yang difaiklan di bawah peraturan 4 melainkan jika Jemaah Rayuan berpuas hati bahawa—

- (a) pindaan itu adalah berdasarkan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh responden hanya selepas pernyataan pembelaan itu difaiklan;
- (b) pindaan itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam atau ditinggalkan daripada pernyataan pembelaan itu apabila pernyataan pembelaan itu difaiklan; atau
- (c) pindaan itu dimasukkan atau ditinggalkan disebabkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), responden hendaklah memfaiklan pernyataan pembelaan terpinda itu dalam lima salinan dengan Jemaah Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kebenaran itu diberikan.

(4) Jika pernyataan pembelaan dipinda di bawah subperaturan (1) selepas pernyataan pembelaan itu disampaikan dengan sewajarnya kepada pemohon di bawah peraturan 4 atau 7, Pengerusi Jemaah Rayuan hendaklah menyebabkan supaya

pernyataan pembelaan terpinda itu disampaikan secara ke diri kepada pemohon dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pernyataan pembelaan terpinda itu difailkan dengan Jemaah Rayuan.

Penyampaian ganti

7. Jika penyampaian ke diri tidak boleh dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini—

- (a) Pengerusi Jemaah Rayuan boleh membuat suatu perintah bagi penyampaian ganti dalam Borang JR3 Jadual; dan
- (b) amalan Mahkamah Sesyen bagi penyampaian ganti saman dan notis hendaklah terpakai.

Notis pendengaran

8. (1) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya suatu notis pendengaran dikeluarkan kepada pihak-pihak dalam permohonan yang disebut dalam peraturan 2 dalam Borang JR5 Jadual yang menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh pendengaran permohonan itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), notis pendengaran boleh dikeluarkan kepada pihak-pihak dalam permohonan itu kurang daripada sepuluh hari jika tiada bantahan oleh pihak-pihak dalam permohonan itu.

Ikatan dokumen

9. (1) Pengerusi Jemaah Rayuan boleh mengarahkan pihak-pihak dalam permohonan yang disebut dalam peraturan 2 untuk memfailkan ikatan dokumen kepada Jemaah Rayuan tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh pendengaran permohonan itu.

(2) Ikatan dokumen hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) permohonan bersama dengan pernyataan tuntutan dalam Borang JR1 Jadual;

- (b) pernyataan pembelaan dalam Borang JR4 Jadual;
 - (c) pernyataan fakta kes oleh Pertubuhan; dan
 - (d) dokumen lain yang berkaitan, jika ada.
- (3) Walau apa pun subperaturan (1), ikatan dokumen boleh difailkan dengan Jemaah Rayuan kurang daripada sepuluh hari jika tiada bantahan oleh pihak-pihak dalam permohonan itu.

Saman untuk hadir

10. (1) Jemaah Rayuan boleh, atas usulnya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam permohonan yang disebut dalam peraturan 2, mengeluarkan saman kepada mana-mana orang untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa keterangan dalam milikannya di hadapan Jemaah Rayuan.
- (2) Saman untuk hadir di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam Borang JR6 Jadual dan hendaklah disampaikan secara ke diri kepada orang itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh saman itu dikeluarkan.

Pendengaran

11. (1) Semasa pendengaran di hadapan Jemaah Rayuan, pemohon boleh mengemukakan apa-apa keterangan atau memanggil mana-mana saksi bagi menyokong permohonannya.
- (2) Selepas pemohon membentangkan permohonannya, responden hendaklah membentangkan pembelaannya dan boleh mengemukakan apa-apa keterangan atau memanggil mana-mana saksi bagi menyokong pembelaannya.
- (3) Jika apa-apa pernyataan bertulis atau keterangan dikemukakan semasa prosiding, pernyataan bertulis atau keterangan itu hendaklah ditandakan sebagai suatu eksibit dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding.

(4) Pemohon dan responden hendaklah mempunyai hak untuk memeriksa mana-mana saksi atau keterangan yang dikemukakan oleh pihak yang satu lagi.

(5) Jemaah Rayuan boleh menanyakan apa-apa soalan yang pada pendapatnya berkaitan dengan permohonan itu kepada mana-mana saksi pada mana-mana peringkat prosiding.

(6) Pemohon dan responden boleh membuat suatu hujahan lisan atau bertulis di hadapan Jemaah Rayuan.

(7) Jemaah Rayuan boleh pada bila-bila masa membantu pihak-pihak dalam permohonan itu semasa menjalankan pendengaran.

Ketidakhadiran pihak-pihak

12. (1) Jika pemohon tidak hadir pada tarikh, pada masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi responden hadir, Jemaah Rayuan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis pendengaran yang disebut dalam peraturan 8 telah disampaikan dengan sewajarnya, menolak permohonan yang disebut dalam peraturan 2.

(2) Jika responden tidak hadir pada tarikh, pada masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran tetapi pemohon hadir, Jemaah Rayuan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis pendengaran di bawah peraturan 8 telah disampaikan dengan sewajarnya—

(a) meneruskan pendengaran itu tanpa kehadiran responden; atau

(b) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain.

(3) Jika kedua-dua pihak dalam permohonan tidak hadir pada tarikh, pada masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, permohonan itu hendaklah ditolak.

Penarikan balik permohonan

13. (1) Pemohon boleh menarik balik permohonan yang disebut dalam peraturan 2 pada bila-bila masa sebelum Jemaah Rayuan membuat apa-apa perintah ke atas permohonan itu.

(2) Jemaah Rayuan hendaklah memberitahu responden mengenai penarikan balik permohonan di bawah subperaturan (1).

(3) Penarikan balik permohonan di bawah subperaturan (1) tidak menjelaskan kuasa Jemaah Rayuan untuk membuat suatu perintah berhubung dengan pembayaran kos yang ditanggung berkenaan dengan permohonan itu sehingga masa penarikan balik permohonan itu.

(4) Jika suatu permohonan ditarik balik, tiada permohonan baharu boleh dibawa oleh pemohon berhubung dengan persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang menjadi perkara bagi permohonan yang ditarik balik sedemikian.

Perintah Jemaah Rayuan

14. Selepas selesai pendengaran, Jemaah Rayuan hendaklah membuat suatu perintah secara bertulis dan hendaklah menyatakan alasan bagi perintah itu.

Rujukan kepada Mahkamah Tinggi

15. Jemaah Rayuan boleh mengemukakan apa-apa persoalan undang-undang untuk keputusan Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 64 Akta dalam Borang JR7 Jadual.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi

16. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap perintah Jemaah Rayuan di bawah seksyen 65 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JR8 Jadual.

Rekod prosiding

17. Penggerusi hendaklah menyebabkan supaya rekod semua prosiding Jemaah Rayuan disimpan dengan membuat catatan di dalam fail permohonan yang berkenaan.

Borang

18. Pertubuhan hendaklah menyebabkan supaya semua borang yang dinyatakan dalam Jadual disiarkan di dalam laman sesawang rasminya.

JADUAL

[Peraturan 2, 3, 4, 8, 10, 15 dan 16]

BORANG

| Tajuk Borang | Borang |
|--|--------|
| 1. Permohonan kepada Jemaah Rayuan | JR1 |
| 2. Notis untuk Memfailkan Pernyataan Pembelaan | JR2 |
| 3. Perintah bagi Penyampaian Ganti | JR3 |
| 4. Pernyataan Pembelaan | JR4 |
| 5. Notis Pendengaran | JR5 |
| 6. Saman untuk Hadir | JR6 |
| 7. Rujukan kepada Mahkamah Tinggi | JR7 |
| 8. Notis Rayuan kepada Mahkamah Tinggi | JR8 |

Dibuat 11 Disember 2018
[KSM/PUU(S)600/28; PN(PU2)747/II]

M. KULASEGARAN
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM ACT 2017

**EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (SOCIAL SECURITY APPELLATE BOARD)
REGULATIONS 2018**

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application and statement of claim
3. Service of application
4. Statement of defence
5. Amendment of statement of claim
6. Amendment of statement of defence
7. Substituted service
8. Notice of hearing
9. Bundle of documents
10. Summons to appear
11. Hearing
12. Non-appearance of parties
13. Withdrawal of application
14. Order of Appellate Board
15. Reference to High Court
16. Appeal to High Court
17. Records of proceedings
18. Forms

SCHEDULE

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM ACT 2017

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (SOCIAL SECURITY APPELLATE BOARD)
REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 85(2)(f) of the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Employment Insurance System (Social Security Appellate Board) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2019.

Application and statement of claim

2. (1) An application for decision on any question, dispute, claim or appeal referred to in subsection 59(1) of the Act shall be made to the Appellate Board in Form JR1 of the Schedule.

(2) The application shall be accompanied by a statement of claim and a processing fee of two ringgit.

(3) The application shall be filed in five copies at the office of the Chairman of the Appellate Board established for the area in which the insured person was working at the time of the question, dispute, claim or appeal arises.

Service of application

3. (1) Upon receipt of the application referred to in regulation 2, the Chairman of the Appellate Board shall cause—

(a) one copy of the application together with the statement of claim to be returned to the applicant with an acknowledgement of receipt; and

(b) one copy of the application together with the statement of claim and a notice to file a statement of defence in Form JR2 of the Schedule to be served personally on the respondent within thirty days from the date the application is filed.

(2) Where the respondent referred to in paragraph (1)(b) is the Organization, the copy of the application together with the statement of claim and the notice to file a statement of defence may be served by registered post addressed to the Director General at the address for service of the Organization.

Statement of defence

4. (1) The respondent who has been duly served with a notice to file a statement of defence under regulation 3 or 7 shall file a statement of defence in Form JR4 of the Schedule to the Appellate Board within thirty days from the date of receipt of such notice.

(2) The Chairman of the Appellate Board shall cause the statement of defence filed under subregulation (1) to be served personally on the applicant within thirty days from the date the statement of defence is filed.

Amendment of statement of claim

5. (1) The applicant may, at any stage of the proceedings, amend the statement of claim filed under regulation 2 with the leave of the Appellate Board subject to such terms and directions as the Appellate Board thinks necessary.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Appellate Board shall not grant leave to amend the statement of claim for the purpose of inserting a new question, dispute, claim or ground of appeal unless the Appellate Board is satisfied that—

(a) the new question, dispute, claim or ground of appeal is based on any matter of fact or law which is known to the applicant only after the application together with the statement of claim has been filed;

- (b) it was not practicable to insert in the statement of claim the new question, dispute, claim or ground of appeal at the time the application together with the statement of claim were filed; or
- (c) the new question, dispute, claim or ground of appeal is inserted due to exceptional circumstances.

(3) Where leave is granted under subregulation (1), the applicant shall file the amended statement of claim in five copies with the Appellate Board within thirty days from the date the leave is granted.

(4) The Chairman of the Appellate Board shall cause one copy of the amended statement of claim to be returned to the applicant with an acknowledgement of receipt.

(5) Where a statement of claim is amended under subregulation (1) after the application has been duly served on the respondent under regulation 3 or 7, the Chairman of the Appellate Board shall cause the amended statement of claim to be served personally on the respondent within thirty days from the date the amended statement of claim is returned to the applicant under subregulation (4).

(6) Where the amended statement of claim is served on the respondent after the statement of defence has been duly served on the applicant under regulation 4 or 7, the respondent may amend his statement of defence and file the amended statement of defence with the Appellate Board within thirty days from the date the amended statement of claim is served on the respondent.

(7) The Chairman of the Appellate Board shall cause the amended statement of defence to be served personally on the applicant within thirty days from the date the amended statement of defence is filed with the Appellate Board.

Amendment of statement of defence

6. (1) The respondent may, at any stage of the proceedings, amend the statement of defence filed under regulation 4 with the leave of the Appellate Board subject to such terms and directions as the Appellate Board thinks necessary.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Appellate Board shall not grant leave to amend the statement of defence filed under regulation 4 unless the Appellate Board is satisfied that—

- (a) the amendment is based on any matter of fact or law which is known to the respondent only after the statement of defence has been filed;
- (b) the amendment was not practicable to be inserted in or omitted from the statement of defence when the statement of defence was filed; or
- (c) the amendment is inserted or omitted due to exceptional circumstances.

(3) Where leave is granted under subregulation (1), the respondent shall file the amended statement of defence in five copies with the Appellate Board within thirty days from the date the leave is granted.

(4) Where a statement of defence is amended under subregulation (1) after the statement of defence has been duly served on the applicant under regulation 4 or 7, the Chairman of the Appellate Board shall cause the amended statement of defence to be served personally on the applicant within thirty days from the date the amended statement of defence is filed with the Appellate Board.

Substituted service

7. Where personal service cannot be effected under these Regulations—

- (a) the Chairman of the Appellate Board may make an order for substituted service in Form JR3 of the Schedule; and

- (b) the practice of a Sessions Court as to substituted service of summons and notices shall apply.

Notice of hearing

8. (1) The Chairman shall cause a notice of hearing to be issued to the parties to the application referred to in regulation 2 in Form JR5 of the Schedule specifying the date, time and place of the hearing not less than ten days before the date of hearing of the application.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the notice of hearing may be issued to the parties to the application less than ten days if there is no objection by the parties to the application.

Bundle of documents

9. (1) The Chairman of the Appellate Board may direct the parties to the application referred to in regulation 2 to file a bundle of documents with the Appellate Board not less than ten days before the date of hearing of the application.

(2) The bundle of documents shall consist of the following:

(a) the application together with the statement of claim in Form JR1 of the Schedule;

(b) the statement of defence in Form JR4 of the Schedule;

(c) a statement of facts of the case by the Organization; and

(d) other relevant documents, if any.

(3) Notwithstanding subregulation (1), the bundle of documents may be filed with the Appellate Board less than ten days if there is no objection by the parties to the application.

Summons to appear

10. (1) The Appellate Board may, on its own motion or upon the request of any party to the application referred to in regulation 2, issue summons to any person to appear as a witness or to produce any evidence in his possession before the Appellate Board.

(2) The summons to appear under subregulation (1) shall be in Form JR6 of the Schedule and shall be served personally on such person within thirty days from the date the summons is issued.

Hearing

11. (1) At the hearing before the Appellate Board, the applicant may adduce any evidence or call any witness in support of his application.

(2) After the applicant presented his application, the respondent shall present his defence and may adduce any evidence or call any witness in support of his defence.

(3) If any written statement or evidence is tendered during the proceedings, the written statement or evidence shall be marked as an exhibit and form part of the record of proceedings.

(4) The applicant and respondent shall have the right to examine any witness or evidence produced by the other party.

(5) The Appellate Board may put any question which in its opinion is relevant to the application to any witness at any stage of the proceedings.

(6) The applicant and respondent may make an oral or a written submission before the Appellate Board.

(7) The Appellate Board may at any time assist the parties to the application in conducting the hearing.

Non-appearance of parties

12. (1) Where the applicant does not appear on the date, at the time and place fixed for the hearing but the respondent appears, the Appellate Board may, upon being satisfied that the notice of hearing under regulation 8 has been duly served, dismiss the application referred to in regulation 2.

(2) Where the respondent does not appear on the date, at the time and place fixed for the hearing but the applicant appears, the Appellate Board may, upon being satisfied that the notice of hearing under regulation 8 has been duly served—

(a) proceed with the hearing in the absence of the respondent; or

(b) adjourn the hearing to another date.

(3) If neither party to the application appears on the date, at the time and place fixed for the hearing, the application shall be dismissed.

Withdrawal of application

13. (1) An applicant may withdraw the application referred to in regulation 2 at any time before the Appellate Board makes any order on the application.

(2) The Appellate Board shall notify the respondent on the withdrawal of the application under subregulation (1).

(3) The withdrawal of the application under subregulation (1) shall not affect the power of the Appellate Board to make an order in relation to the payment of costs incurred in respect of the application until the time of the withdrawal of the application.

(4) Where an application is withdrawn, no fresh application may be brought by the applicant in relation to the question, dispute, claim or appeal which was the subject of the application so withdrawn.

Order of Appellate Board

14. After completion of the hearing, the Appellate Board shall make an order in writing and shall state the grounds for the order.

Reference to High Court

15. The Appellate Board may submit any question of law for the decision of the High Court under section 64 of the Act in Form JR7 of the Schedule.

Appeal to High Court

16. An appeal to the High Court against an order of the Appellate Board under section 65 of the Act shall be made in Form JR8 of the Schedule.

Records of proceedings

17. The Chairman shall cause to be kept records of all proceedings of the Appellate Board by making entries in the respective application files.

Forms

18. The Organization shall cause to be published all forms specified in the Schedule in its official website.

SCHEDULE
[Regulations 2, 3, 4, 8, 10, 15 and 16]

FORMS

| Title of Forms | Form |
|--|------|
| 1. Application to the Appellate Board | JR1 |
| 2. Notice to File a Statement of Defence | JR2 |
| 3. Order for Substituted Service | JR3 |
| 4. Statement of Defence | JR4 |
| 5. Notice of Hearing | JR5 |
| 6. Summons to Appear | JR6 |
| 7. Reference to High Court | JR7 |
| 8. Notice of Appeal to High Court | JR8 |

Made 11 December 2018
[KSM/PUU/(S)/600/28; PN(PU2)747/II]

M. KULASEGARAN
Minister of Human Resources